

15 OCT 2003

ATAIC-LANCAR

PM LANCAR PENUBUHAN PERSATUAN PIHAK BERKUASA CUKAI NEGARA-NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 15 Oct (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad melancarkan penubuhan Persatuan Pihak Berkuasa Cukai Negara-Negara Islam (ATAIC) di sini, hari ini.

Menurut satu kenyataan Kementerian Kewangan Malaysia, ATAIC ditubuhkan dengan matlamat mewujudkan kerjasama di antara negara-negara Islam dalam hal-ehwal percukaian dan sistem zakat.

Kenyataan itu menyatakan bahawa segala matlamat akan tercapai melalui mesyuarat-mesyuarat teknikal yang akan diadakan setiap tahun dan penganjuran seminar serta latihan bersama yang dapat mewujudkan kerjasama dalam aspek pertukaran maklumat dan sebagainya.

Sementara itu, sempena pelancaran ATAIC, satu seminar berbentuk mesyuarat persediaan telah diadakan di sini pada 13 dan 14 Okt lepas.

Seminar itu dihadiri oleh pentadbir-pentadbir cukai dari 11 buah negara iaitu Bangladesh, Brunei, Indonesia, Tajikistan, Maghribi, Lebanon, Yemen, Jordan, Pakistan, Kuwait dan Malaysia. -- BERNAMA

DSW AHM